



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1989**

---

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

**BAYARAN LEBIH MASA BAGI PENGAWAL KESELAMATAN**

**1. TUJUAN**

1.1 Tujuan Surat pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk mengumumkan keputusan Kerajaan membenarkan Pengawal Keselamatan (D11, D3, D1) menuntut bayaran lebih masa apabila dikehendaki bekerja lebih masa.

**2. BAYARAN LEBIHMASA**

2.1 Mengikut peraturan-peraturan sekarang, iaitu [Perintah Am Bab "G"](#) dan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1980](#), Pengawal Keselamatan adalah

tergolong ke dalam kumpulan kakitangan yang tidak layak menuntut bayaran lebih masa apabila terlibat dengan kerja-kerja lebih masa. Mereka hanya layak mendapat cuti gantian di bawah [Perintah Am 40, Bab "C"](#). Walau bagaimanapun oleh kerana terdapat keperluan mendesak bagi Pengawal Keselamatan di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan bekerja lebih masa, demi kepentingan perkhidmatan dan keselamatan Jabatan-jabatan, maka Kerajaan telah bersetuju mengkaji semula peraturan-peraturan di atas dan memutuskan supaya Pengawal Keselamatan diberi kelonggaran di bawah [Perintah Am 15 \(iii\), Bab "G"](#) untuk menuntut bayaran lebih masa apabila diarah oleh Ketua Jabatan menjalankan kerja-kerja lebih masa. Keputusan ini akan disemak semula dari semasa ke semasa dan ianya akan dibatalkan apabila keperluan bekerja lebih masa dapat diatasi kelak.

### **3. HAD BAYARAN LEBIHMASA**

3.1 Selaras dengan peruntukan di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) bayaran lebih masa yang boleh dituntut oleh Pengawal Keselamatan berkenaan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada sebulan gaji. Bayaran lebih masa yang melebihi had bayaran ini hanya boleh diluluskan apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 1977](#). Bagi menjimatkan perbelanjaan, Ketua-ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menentukan bahawa bayaran lebih masa hanya dibayar bagi kerja-kerja lebih masa yang perlu dan mustahak sahaja.

### **4. TARIKH KUATKUASA**

4.1 Tarikh kuatkuasa peraturan ini adalah mulai dari tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.

*Abdul Malek bin Aziz*

(DATO' ABDUL MALEK BIN ABDUL AZIZ)

*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*Malaysia*

*Tarikh: 15 November, 1989*

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

---